

APAKAH OPSYEN ?

Opsyen ialah kontrak yang memberikan pembeli hak tetapi tidak mewajibkannya untuk membeli atau menjual aset pendasar atau instrumen pendasar pada harga laksana tertentu sebelum atau pada tarikh yang ditentukan, bergantung kepada jenis opsiyen.

OPSYEN BELI 

JENIS-JENIS OPSYEN

 OPSYEN JUAL

- Kedudukan Pembeli (Long Call) mempunyai hak tetapi tidak wajib untuk **MEMBELI** aset pendasar pada harga laksana.
- Kedudukan Penjual (Short Call) diwajibkan **MENJUAL** aset pendasar pada harga laksana jika dilaksanakan oleh pembeli.

- Kedudukan Pembeli (Long Put) mempunyai hak tetapi tidak wajib untuk **MENJUAL** aset pendasar pada harga laksana.
- Kedudukan Penjual (Short Put) diwajibkan **MEMBELI** aset pendasar pada harga laksana jika dilaksanakan oleh pembeli.


GAYA LAKSANA

- Opsyen Amerika boleh dilaksanakan pada bila-bila masa SEBELUM tarikh opsiyen tamat.
- Opsyen Eropah hanya boleh dilaksanakan PADA tarikh opsiyen tamat.

SEBAGAI CONTOH:

Johan membeli opsiyen Long Call OKLI bulan Julai dengan harga laksana 1,580 mata pada kos 84. Pada tarikh tamat tempoh, FKLI meningkat sehingga 1,700 mata, Johan memutuskan untuk melaksanakan opsiyen semasa tamat tempoh dan berjaya membuat keuntungan RM1,800 daripada dagangan ini.

contoh pengiraan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja



SENARAI PRODUK OPSYEN BMD

- FTSE Bursa Malaysia KLCI Options (OKLI)
- Opsyen untuk Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (OCPO)

NOTA

- Tidak seperti niaga hadapan, opsiyen memerlukan pembayaran premium atas pembelian.
- Salah satu kelebihan opsiyen ialah ia membolehkan pemegang mendapat manfaat daripada potensi menaik (upside) sambil menghadkan risiko menurun (downside).
- Kerugian maksimum untuk pembeli opsiyen ialah sama dengan amaun premium, potensi keuntungan tidak terhad.
- Kerugian maksimum untuk penjual opsiyen tidak terhad, potensi keuntungan ialah sama dengan amaun premium opsiyen.



Penafian:

"Maklumat yang disediakan dalam risalah ini adalah untuk tujuan umum sahaja. Maklumat yang terkandung bukanlah nasihat undang-undang, kewangan, perdagangan atau pelaburan. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas dan/atau merujuk pada undang-undang, peraturan dan kaedah yang berkaitan sebelum membalas atau mengambil sebarang tindakan berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia dan anak-anak syarikatnya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad tidak menerima apa-apa liabiliti walau apapun yang timbul, termasuk apa-apa liabiliti yang timbul daripada apa-apa keputusan yang dibuat atas dasar maklumat ini."